

04/11/2003

Wawasan 2020 inspirasi (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan bahawa beliau akan meneruskan segala dasar yang telah digariskan oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Dalam ucapan sulungnya sebagai ketua kerajaan di Dewan Rakyat semalam, beliau menegaskan, Wawasan 2020 akan terus menjadi inspirasi memacu pembangunan secara komprehensif bagi mencapai taraf negara maju.

"Kita juga perlu mengusahakan emansipasi dan pengukuhan dalam segala aspek pembangunan manusia dari segi sosial, moral, etika dan politik. Dasar wawasan negara akan terus dijadikan rangka strategik kepada dasar ekonomi negara.

"Semangat dasar ekonomi baru untuk memastikan penyusunan masyarakat yang dapat membina perpaduan nasional dan agenda membasmi kemiskinan tidak harus diabaikan sama sekali," katanya ketika mengemukakan usul terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad serta menggariskan arah haluan kepemimpinan di Dewan Rakyat, semalam.

Abdullah sebak pada separuh ucapannya apabila menyebut: "Saya amat insaf betapa tanggungjawab ini menuntut saya melaksanakan secara amanah - secara jujur, secara cekap, secara adil. Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh rakyat keseluruhannya, dan lebih daripada itu, oleh Allah."

Beliau yang mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima Jumaat lalu, sekali lagi sebak dan hampir menangis apabila mengakhiri ucapan yang antara lain berbunyi: "Kepada Mu Ya Allah, hambaMu ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan."

Usul itu kemudian diluluskan sebulat suara setelah disokong Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan dibahas oleh Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong); Tan Sri Bernard Dompok (BN-Kinabalu); Datuk Dr Hassan Ali (Pas-Parit Buntar); Tan Sri Abdul Taib Mahmud (BN-Kota Samarahan), Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) dan Datuk Seri Law Hieng Ding (BN-Sarikei).

Dalam ucapannya yang bertemakan "Mewarisi Kejayaan, Membina Masa Depan Yang Cemerlang, Gemilang, Terbilang" bagi menggariskan arah haluan kepemimpinan negara itu, Abdullah berkata, kejayaan yang diwarisi hari ini tidak mungkin kekal jika kreativiti dan inovasi tidak dijadikan sebahagian budaya masyarakat Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, kemudahan fizikal bertaraf dunia pertama perlu diperlengkapkan dengan warga berfikiran dan berbudaya dunia pertama.

Beliau menegaskan, pembangunan sumber manusia perlu ditingkatkan supaya

warga diimbangkan pembangunan daripada segi fizikal, mental dan spiritual.

Manusia adalah input terpenting dalam ekonomi berlandaskan pengetahuan.

"Oleh itu, negara perlu memastikan bahawa pendidikan berkualiti disediakan untuk memberi seluas-luas peluang kepada setiap warga Malaysia

memperoleh tahap pendidikan setinggi yang boleh," katanya.

Abdullah juga meminta semua Ahli Parlimen berikrar untuk terus berjuang

mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan kesejahteraan negara menerusi seluruh dasar, strategi dan program yang telah diperkenal dan diperjuangkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika merakamkan setinggi-tinggi penghargaan daripada seluruh rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri keempat dan Ahli Parlimen Kubang Pasu itu,

Abdullah berkata beliau akan terus berusaha ke arah mencemerlangkan rakyat

berasaskan semangat Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan matlamat utama Wawasan 2020.

"Tun Dr Mahathir mengabadikan diri untuk negara bangsa Malaysia selama tempoh 22 tahun, tiga bulan, 15 hari sebagai Perdana Menteri, bermula 16 Julai 1981 sehinggalah kepada tarikh beliau bersara pada 31 Oktober lalu.

"Sesungguhnya khidmat beliau kepada negara bangsa bermula lebih awal dari itu. Suara bernas lagi tegas beliau mula bergema di dewan ini, sejak

dipilih sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Setar selatan dalam pilihan raya umum yang diadakan pada 25 April 1964," katanya.

Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir juga adalah orang kedua paling lama

selepas Tun Abdul Ghaffar Baba berkhidmat sebagai Ahli Parlimen.

Beliau berkata, Dr Mahathir menjadi ahli Parlimen selama hampir 36 tahun, 29 tahun sebagai anggota jemaah menteri dan selama lebih 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

"Sewaktu menjadi Ahli Parlimen biasa di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, beliau telah menyuarkan pendapat secara berani, secara kritis, secara terbuka dan secara berterus terang.

"Beliau memiliki identiti sebagai seorang Ahli Parlimen yang menyuarkan

pandangan bernas dan berpendirian tegas. Beliau sentiasa membawa nada pembaharuan, sering kali mendahului jauh ke hadapan dari segi pandangan, pendirian, unjuran dan wawasan," katanya.